



12 SEP, 2024

Lari tinggal dadah RM2j! `

Harian Metro, Malaysia





12 SEP, 2024

Lari tinggal dadah RM2j!`

Harian Metro, Malaysia



Page 2 of 3

Oleh Aizat Sharif
am@hmetro.com.my

Padang Besar

Tindakan seorang lelaki warga Thailand melarikan diri selepas kenderaan utiliti sukan (SUV) yang dipandunya ditahan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Perlis membongkar penemuan 73.319 kilogram (kg) dadah jenis syabu bernilai lebih RM2 juta dalam SUV itu di Padang Besar 3 September lalu.

Kejadian berlaku sekitar jam 8.15 pagi ketika kenderaan SUV jenis Isuzu MU-X berpendaftaran Thailand itu ditahan untuk pemeriksaan ketika melalui laluan import, Unit Khas Pemeriksaan Penumpang (UKPP), Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (ICQs) Padang Besar.

Pengarah Kastam Perlis Ismail Hashim berkata, semasa pemeriksaan dilakukan, suspek yang dipercayai berusia dalam lingkungan 20-an itu berpura-pura untuk mengambil pasportnya selepas diminta oleh penguatkuasa untuk pemeriksaan.

“Ketika anggota kita sedang melakukan pemeriksaan terhadap kenderaan SUV itu, suspek yang belum dapat kita pastikan identitinya itu menghilangkan diri tanpa disedari pegawai bertugas.

“Sehubungan itu, pemeriksaan rapi terhadap kenderaan SUV itu menjumpai 56 pekete teh cina yang disembunyikan dalam ruangan khas di bahagian bawah tempat duduk penumpang belakang barisan kedua.

“Pemeriksaan selanjutnya pula menemui 14 bungkusan yang disorokkan di bahagian ruangan khas iaitu di lantai tempat duduk penumpang belakang barisan pertama dan apabila diperiksa kesemua pekete teh cina dan bung-



ISMAIL (tengah) menunjukkan gambar dan sebahagian dadah jenis syabu yang ditemui dalam sebuah kenderaan SUV sewaktu pemeriksaan di Kompleks ICQS, Padang Besar. - Gambar NSTP/LUQMAN HAKIM ZUBIR

Lari tinggal dadah RM2j!

Lelaki warga asing lesap ketika JKDM periksa SUV bawa dadah di pintu masuk negara

kusan hitam itu dipercayai mengandungi dadah jenis syabu seberat 73.319kg,” katanya dalam sidang media semalam.

Katanya, semakan pihaknya dengan kerjasama pihak Kastam Thailand mendapati kenderaan SUV itu adalah milik seorang wanita warga Thailand dalam lingkungan 40-an yang beralamat di wilayah Nakhon Si Thammarat.

“Kita juga mendapati bahawa kenderaan suspek ini sudah lima kali berulang alik dipercayai dari wilayah berkenaan ke negara ini sepanjang tahun

ini.

“Syabu ini dipercayai cuba dipasarkan di pasaran negeri utara serta Lembah Klang dan berdasarkan rampasan ini, ia boleh diedarkan kepada lebih 730,000 penagih dadah.

“Rampasan dianggarkan bernilai RM2,346,208 dan turut dirampas adalah kenderaan SUV itu yang dianggarkan bernilai RM70,000,” katanya.

Ismail berkata, pihaknya masih meniasat sama ada suspek berada dalam negara ini atau sudah lolos kembali ke negara asalnya.

Kes disiasat mengikut Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952 yang jika sabit kesalahan membawa hukuman mati atau penjara seumur hidup serta tidak kurang daripada 12 sebatan.

Ismail berkata, terdapat peningkatan rampasan membabitkan dadah jenis syabu dan ganja di Perlis sejak Januari tahun ini berbanding keseluruhan tahun lalu.

“Dari Januari tahun ini sehingga awal September ini, rampasan dadah yang dibuat oleh kita (JKDM Perlis) dianggarkan bernilai RM3.17 juta.

“Manakala, sepanjang tahun lalu pula nilai rampasan dianggarkan sebanyak RM1.844 juta,” katanya.

“
Syabu dipercayai cuba dipasarkan di negeri utara serta Lembah Klang
Ismail



12 SEP, 2024

Lari tinggal dadah RM2j! `

Harian Metro, Malaysia



SUMMARIES

LELAKI THAILAND GHAIB LARI TINGGAL SYABU RM2J ‘GHAIB’

hitam itu dipercayai mengandungi dadah jenis syabu seberat 73.319kg,” ka - tanya dalam sidang media s em a l a m . Katanya, semakan pihaknya dengan kerjasama pihak Kastam Thailand mendapati kenderaan SUV itu adalah milik seorang wanita warga Thailand dalam lingkungan 40-an yang beralamat di wilayah Nakhon Si Thammarat.